

**Dua Pelajar Bangga Harumkan Nama Negara Peringkat Antarabangsa
Bernama
23 Julai, 2012**

PADANG SERAI, 23 Julai (Bernama) -- Walaupun hanya menang pingat gangsa, dua pelajar dari Kulim dekat sini merasa bangga kerana dapat mengharumkan nama negara baru-baru ini di satu pertandingan mencipta hasil inovasi peringkat global di Universiti New York, Amerika Syarikat.

R.Sri Ahrivesh dan S.M. Ramamurthi kedua-duanya berusia 14 tahun berkata hasil ciptaan mereka menerusi bantuan serta galakan keluarga berjaya meraih pingat itu pada pertandingan 'Genius Olympiad Global Enviroment Innovation 2012' di Kolej Oswega, di universiti berkenaan.

Dalam pertandingan yang berlangsung antara 24 hingga 30 Jun lepas, projek dua sahabat ini dipilih ke peringkat akhir bersama 248 projek daripada hampir 700 peserta lain dari seluruh dunia.

Penyertaan tunggal kedua-dua pelajar dari Malaysia ini bagi kategori 'Interior Environment Design' berjudul 'Neighbor's Wonders' berjaya memikat hati para juri melalui satu projek penggera yang mesra jiran dengan modal hanya RM300.

Menurut Ramamurthi, dia dan Sri Ahrivesh mengambil masa hampir sebulan mencipta alat penggera keselamatan tersebut yang boleh digunakan secara berkumpulan bagi kemudahan tiga atau empat buah rumah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682543>

